



IBU kandung mangsa (tengah) turut ditahan reman selama seminggu oleh Mahkamah Majistret Kangar semalam bagi membantu siasatan.



SUSPEK (tengah) yang juga kekasih kepada ibu mangsa mempunyai 12 rekod jenayah lampau termasuk kes curi motosikal.



MOHAMAD RAYYAN HIDAYAT

Kanak-kanak enam tahun meninggal dunia dipercayai didera teman lelaki ibu

Tulang rusuk patah, usus pecah

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

KANGAR — Seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun terpaksa menanggung penderitaan sebelum menghembuskan nafas terakhir dipercayai akibat didera teman lelaki ibunya dalam kejadian di Kampung Abi di sini Rabu lalu.

Mangsa, Mohamad Rayyan Hidayat Hairil Khan disahkan meninggal dunia kira-kira pukul 4 pagi di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini selepas tidak sedarkan diri dan muntah beberapa jam sebelum itu.

Hasil bedah siasat oleh pakar

patalogi di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah kelmarin mendapati tulang rusuk mangsa telah patah selain mengalami lebam-lebam pada badan dan ususnya pecah.

Ketua Polis Perlis, Datuk Azisman Alias berkata, laporan bedah siasat menunjukkan kanak-kanak itu mati selepas dipercayai dipukul dengan objek tumpul pada badan.

“Sebelum kejadian, suspek lelaki dan ibu mangsa telah menghantarnya ke hospital dan mendakwa kanak-kanak itu mengalami kecederaan ringan kerana terjatuh.

“Bagaimanapun, mereka sebenarnya cuba menyembunyikan

fakta bahawa mangsa mengalami kecederaan akibat didera dan dipukul,” katanya ketika ditemui pada Majlis Perhimpunan Bulanan Polis Perlis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis di sini semalam.

Beliau berkata, polis telah menahan ibu mangsa yang berusia 31 tahun dan teman lakinya berusia 26 tahun.

Jelasnya, lelaki itu dan ibu mangsa ditahan petang kelmarin selepas mereka menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kangar.

“Siasatan awal mendapati suspek yang berasal dari Kedah mempunyai 12 rekod jenayah lam-

pau terutamanya membabitkan kes curi motosikal.

“Ibu mangsa pula bekerja sebagai pekerja industri di sebuah kilang di Arau,” ujarnya.

Azisman berkata, polis juga telah mendapatkan perintah reman terhadap pasangan itu selama seminggu bermula semalam bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Sementara itu, bapa kandung mangsa, Hairil Khan Azali, 32, berkata, dia hanya mengetahui nasib malang yang menimpa anak-

nya pada Rabu selepas dihubungi bapa saudaranya.

“Rayyan dibawa ke hospital pada malam Selasa dan meninggal dunia beberapa jam kemudian.

“Saya dimaklumkan dia meninggal dunia dipercayai akibat didera selepas laporan forensik dikeluarkan Hospital Sultanah Bahiyah,” ujarnya.

Katanya, dia telah berpisah dengan bekas isteri sejak tiga tahun lalu.

“Kali terakhir saya berjumpa dengan Rayyan adalah pada bulan lalu, tetapi dia ketika itu masih bertenaga dan kelihatan sihat sahat sahaja,” tambahnya.